



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
DISEASE CONTROL DIVISION
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA
ARAS 3,4 DAN 6 , BLOK E10, KOMPLEKS E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590, PUTRAJAYA

Tel : 03-88834527
Faks : 03-88886270

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 4 (4)
Tarikh : 21 Januari 2021

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Dato' Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)


DATUK DR. CHONG CHEE KHEONG
(MPM 20477)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia
22/21

YBhg. Tan Sri,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 2/2021 (10 Januari hingga 16 Januari 2021) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA


(Bagi Minggu 2/2021 dari 10 Januari hingga 16 Januari 2021)

Kes Demam Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-2 tahun 2021 menunjukkan 5% (36 kes) pengurangan dengan sebanyak 681 kes dilaporkan berbanding 717 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan sehingga minggu ke-2. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 1,398 kes berbanding 6,077 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 77% (4,679 kes) manakala tiada kematian berbanding 9 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 (**Lampiran A & C**).


Sebanyak 17 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ke-2 iaitu jumlah yang sama seperti minggu sebelumnya. Sebanyak 70.6% atau 12 lokaliti hotspot dari keseluruhan 17 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor, tiga (3) lokaliti hotspot (17.6%) di JKWPKL&P dan masing-masing satu (1) lokaliti hotspot (5.9%) di Negeri Sembilan dan Sabah. (**Lampiran B & D**).

Jangkitan Chikungunya melaporkan sebanyak 17 kes pada minggu ke-2 dengan enam (6) kes dilaporkan dari Negeri Kedah, lima (5) kes dari Melaka, empat (4) kes dari Perak serta masing-masing satu (1) kes dari Pulau Pinang dan Johor. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 39 (**Lampiran E**). Bagi surveilan Zika, sebanyak 22 sampel darah dan satu (1) sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.


Beberapa negeri di Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak telah dilanda kejadian banjir pada awal tahun 2021. Oleh itu, tindakan selepas banjir surut adalah amat penting kerana kawasan akan ditimbuni sampah-sarap serta sisa banjir seperti bekas-bekas terbiar yang akan menjadi tempat potensi pembiakan Aedes serta menyebabkan jangkitan Demam Denggi dan Chikungunya. Oleh itu, penduduk yang pulang ke rumah perlu segera membersihkan kawasan persekitaran kediaman serta premis berhampiran dari bekas-bekas terbiar serta melupuskannya di tempat pelupusan yang betul. Bagi kawasan yang menakung air seperti di rekahan struktur bangunan atau palong air hujan yang tersumbat, bubuh bahan pembunuh jentik-jentik untuk membunuh larva. Gunakan semburan aerosol di tempat tersembunyi dalam rumah untuk mengelakkan dari digigit nyamuk. Ambil kesempatan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini untuk mencari dan memusnahkan tempat pembiakan Aedes di kediaman kita. Lindungi komuniti, keluarga dan diri sendiri dari ancaman bahaya Demam Denggi. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
25 Januari 2021




Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-2 tahun 2021



Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 01 dan ke- 02 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 02 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 2/2021
(10 Januari hingga 16 Januari 2021)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes Demam Denggi sehingga minggu 2/2021		Kumulatif kes Demam Denggi sehingga minggu 2/2020	
		Minggu Epid 2 (10 Januari – 16 Januari 2021)		Minggu Epid 1 (3 Januari – 9 Januari 2021)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	1	0	1	0	7	0
2	Kedah	9	0	3	0	12	0	39	0
3	P. Pinang	14	0	20	0	34	0	74	1
4	Perak	15	0	21	0	36	0	196	0
5	Selangor	388	0	369	0	757	0	3,708	3
6	WP KL & Putrajaya	69	0	77	0	146	0	460	1
7	N. Sembilan	24	0	21	0	45	0	85	0
8	Melaka	21	0	28	0	49	0	96	2
9	Johor	72	0	87	0	159	0	452	1
10	Pahang	11	0	33	0	44	0	155	0
11	Terengganu	2	0	1	0	3	0	6	0
12	Kelantan	4	0	7	0	11	0	317	0
13	Sarawak	15	0	15	0	30	0	159	0
14	Sabah	37	0	34	0	71	0	322	1
15	WP Labuan	0	0	0	0	0	0	1	0
	MALAYSIA	681	0	717	0	1,398	0	6,077	9

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 02/2021
(10 Januari hingga 16 Januari 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	H/Langat	Jalan Impian Kasih Saujana Impian	37	103
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 9 (Kuarters Ipk Selangor)	25	88
3	SELANGOR	H/Langat	Kem Pga Batu 7 Cheras	27	83
4	SELANGOR	Petaling	Usj 11/4	28	53
5	SELANGOR	Petaling	Tmn Sg.Besi Indah 1 (Jln Sb Indah 1/2-1/9)	14	51
6	SELANGOR	H/Langat	Seksyen 6 Bandar Sri Putra	12	47
7	SELANGOR	H/Langat	Jln Bm 6/B Bandar Bukit Mahkota	7	45
8	N SEMBILAN	Seremban	Taman Jasmin	9	45
9	WPKL	Titivangsa	Jalan Air Madu (Madu Mas Appt)	23	41
10	SELANGOR	Klang	Tmn Sungai Sireh Jln Sireh Pinang	11	40
11	WPKL	L/Pantai	Flat K.E.P (1-5)	6	39
12	SELANGOR	Petaling	Sek U10 (Alam Budiman : Jln U10/68-U10/77b)	6	36
13	SELANGOR	Petaling	Usj 3/1	5	35
14	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Gv 1 (Zon A)	8	33
15	WPKL	L/Pantai	Flat Tmn Salak Selatan (Blok 4-5)	5	32
16	SELANGOR	Hulu Langat	Blok Markas Fru	4	32
17	SABAH	Tawau	Ap77 Taman Sri Apas Ppr Bt.8	12	31

Lampiran E

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 2/2021 (16 Januari 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Johor	Tangkak	1	1
2.	Kedah	Kuala Muda Kulim Sik	6 8 2	16
3.	Kelantan	Kuala Krai	1	1
4.	Melaka	Alor Gajah Melaka Tengah	1 4	5
5.	Perak	Kuala Kangsar Larut, Matang & Selama Manjung	3 6 3	12
6.	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	2	2
7.	Selangor	Gombak	1	1
8.	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	1	1
JUMLAH			39	

